



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2009
PENAMBAHBAIKAN PROSES PENGURUSAN ADUAN AWAM

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memaklumkan jabatan / agensi Kerajaan mengenai penambahbaikan ke atas proses pengurusan aduan awam.

2. TAKRIF

Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, maka:

2.1 **“Ketua Jabatan”** bermakna Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang

2.2 **“Kerajaan, Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa”** mana yang berkenaan ertinya Lembaga Pertubuhan Peladang.

2.3 “Pegawai”

Bermakna penjawat Lembaga Pertubuhan Peladang yang dilantik secara tetap atau sementara atau kontrak ke dalam mana-mana skim perkhidmatan Lembaga Pertubuhan Peladang tetapi tidak termasuk mana-mana pekerja yang dilantik secara sambilan.

3. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang menerimapakai Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2009 mengenai Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam.

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasa Pekeliling Ketua Pengarah ini, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 4 Tahun 1992 adalah dibatalkan.

LPP(A)5/10 Jld.10/(27)

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI ABD RAHIM BIN HAJI AHMAD)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

26 Mac 2009

Edaran kepada:

- Timbalan Ketua Pengarah
- Pengarah Bahagian
- Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang